

# 300 peserta kelas Kemas terima sijil kemahiran

LABUAN: Seramai 300 peserta yang terdiri daripada usahawapita luar bandar menerima sijil kemahiran pada Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Kemahiran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Wilayah Persekutuan Labuan di dewan Ceramah jabatan itu dekat Kampung Pantai di sini, pada Sabtu.

Majlis penyampaian sijil disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Haji Bashir Haji Alias dan Pegawai KEMAS Daerah, Fairuzfikir Badsyah Md Husin, Pengerusi Majlis Wanita Kebangsaan Wilayah Persekutuan Labuan, datuk Hajjah Aini Haji Safar, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Rahimah Haji Lamat, Ketua Pergerakan Puteri Umno Bahagian, Nur Erni Jamil dan Penyelia Kanan KEMAS Daerah, Salmiah Haji Daud.

Terdahulu, Rozman ketika berucap memasangkan program tersebut mengucapkan tah-

niah kepada Jabatan KEMAS kerana melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam pelbagai bidang kelas kemahiran selaras dengan arus pembangunan negara.

Beliau berkata, program itu mampu melahirkan dan membangunkan usahawan tempatan yang berkualiti, berdaya saing dan berketrampilan sekaligus ia juga dapat meningkatkan sumber pendapatan hasil daripada kemahiran yang diperolehi.

Antara bidang kemahiran yang dianjurkan oleh KEMAS termasuklah masakan, jahitan, dandan diri, pendidikan kesejahteraan keluarga, seni tangan dan juga dalam bidang komputer.

Pada majlis itu, Rozman turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM5,000 untuk disumbangkan kepada kelas kemahiran KEMAS sebagai usaha berterusan para peserta dalam memasarkan produk yang dihasilkan. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabtimes.com.my)



SIJIL... Rozman menyerahkan sijil kemahiran kepada peserta sambil diperhatikan Fairuzfikir (dua dari kiri), Bashir (kanan sekali) dan Salmiah (kiri sekali).